

FOKUS PAKAR PERUBATAN, KESIHATAN

● HUMS jalin kerjasama MoU dengan HiSAR Hospital Intercontinental Istanbul Turkiye

UB 12.05.2023 P.01

ISTANBUL (Turkiye): Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) melakarkan sejarah apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama HiSAR Hospital Intercontinental Istanbul, Turkiye yang memfokuskan tenaga pakar HUMS serta kajian dan inovasi bidang kesihatan.

Majlis yang berlangsung di sini pada Isnin menyaksikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) diwakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor dan Pendaftar, Luqman Ridha Anwar, manakala HiSAR diwakili Pengurus Besar, Emir Kavak dan Ketua Pakar Perubatan merangkap Ahli Lembaga Eksekutif Hisar Hospital, Prof. Madya Dr. Hilmi Aksoy.

Majlis itu turut disaksikan Yang Dipertua Negeri



METERAI: Kasim (dua kanan) dan Emir (tiga kiri) saling bertukar dokumen MoU sambil disaksikan Juhar (tengah). Turut kelihatan Luqman (tepi kanan), Dr Hilmi (tepi kiri), Samasudin (tiga kanan) dan Dzaraif (dua kiri).

Sabah merangkap Canselor UMS, Tun Dr. Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin dan

isteri, Datuk Seri Pangima Hajah Norlidah Tan Sri R.M Jasni.

Menurut Dr. Kasim, kerjasama MoU itu akan berkuat kuasa selama tiga

tahun.

“Ia merupakan salah satu usaha UMS untuk

meningkatkan lagi kepakaran profesional tenaga pakar perubatan HUMS.

“Ini bagi memastikan HUMS dapat memberikan perkhidmatan pada tahap kelas pertama dan bertaraf antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata, antara lain kandungan MoU adalah tenaga profesional HUMS akan menjalani program mobiliti di HiSAR Hospital, selain kedua-dua hospital akan menjalankan projek penyelidikan bersama dalam bidang perubatan.

“HUMS dan HiSAR juga akan mengadakan lain-lain kerjasama yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa mengikut persetujuan bersama oleh kedua-dua belah pihak,” katanya.

Hadir sama Konsul Jeneral Malaysia di Istanbul, Tengku Mohd Dzaraif Raja Abdul Kadir dan Ahli Lembaga Pengarah UMS, Samasuddin Hj. Yusop.